



**WAJAH
KEHIDUPAN**

REPUTASINYA sebagai 'syurga' beli-belah, kewujudan masjid lama, Masjid India dan restoran Punjabi popular antara keunikan Jalan Masjid India seperti paparan Wajah Kehidupan semalam.

Hari ini, fokus berkisar kepada deretan kedai emas, gerai makanan dan pasar malam hujung minggu yang terkenal di kalangan warga kota.

**>>Oleh Mohd Hafizee
Mohd Arop**

hafizee@metromy.com.my

KUALA LUMPUR: Lebih 18 kedai menjual barangan kemas terdapat di Jalan Masjid India di sini, sekali gus menjadikannya lokasi tumpuan orang ramai terutama wanita pada musim perkahwinan dan perayaan seperti Aidilfitri.

Barangan kemas yang dijual di kawasan ini menawarkan harga serta promosi menarik dan disebabkan itu ia menjadi tumpuan pasangan yang berhajat mendirikan rumah tangga.

Daripada kelengkapan pakaian sehingga aksesori diri yang disediakan di kawasan ini menjadikan ia pilihan utama pengantin mendapatkan barangan dikehendaki.

Pengunjung, Natasha Hashim, 28, berkata, dia datang bersama tunangnya untuk membeli barangan kemas bagi persiapan perkahwinannya

'Lubuk emas' Kuala Lumpur

Jalan Masjid India popular deretan kedai barang kemas

FOTO | Zulfitri Zulkifli



PILIHAN...antara kedai emas yang terdapat di Jalan Masjid India.

yang dijangka diadakan pada penghujung Disember ini.

Katanya, kedai emas di kawasan terbabit menawarkan harga berpatutan serta mempunyai pelbagai pilihan dan ia memudahkan pasangan pengantin mendapatkan barang kemas dikehendaki.

Menurutnya, sebelum ini dia membeli cincin pertunangannya di kawasan berkenaan dan yakin barang ke-

mas yang dijual terutama emas adalah tulen.

"Sebelum ini, kakak saya membeli barangan kemasnya di sini dan harga yang ditawarkan agak berbaloi. Di sini amat senang kerana semua kelengkapan perkahwinan dijual menyebabkan kami tidak perlu pergi ke tempat lain.

"Datang sini saja sudah cukup, semua kelengkapan boleh dibeli dengan harga ber-

patutan," katanya.

Seorang lagi pengunjung, Norsiah Tamin, 56, berkata, dia mengunjungi kedai emas di kawasan ini kerana harga jual balik emas yang ditawarkan lebih tinggi.

"Bila kita nak beli pun puas hati dan apabila kita nak jual balik pun berbaloi. Ini membuatkan saya sekeluarga menjadikan kawasan ini sebagai pilihan utama kami," katanya.